



Ruj. Kami : KUDR/LAP/B/10/24/0072 (15)
Tarikh : 11 November 2024

Jurutera Daerah,
Pejabat Jurutera Daerah
JKR Larut Matang & Selama,
34000, Taiping,
Perak Darul Ridzuan
(u.p: Bahagian Jalan)

Tuan,

PROJEK / KERJA : CADANGAN BEKALAN AIR BAGI SKIM PERUMAHAN SELUAS 17.18 EKAR (6.952 HEKTAR) DI ATAS PT 5156 (NO. HAKMILIK : HSD 33746), MUKIM JEBONG, DAERAH LARUT DAN MATANG, PERAK DARUL RIDZUAN. - SERAHAN DOKUMEN LENGKAP BAGI PERMOHONAN PERMIT KERJA KOREK BAHU JALAN

PERKARA : PERMOHONAN IZIN LALU

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Lembaga Air Perak akan menjalankan kerja pemasangan utiliti bagi Cadangan Bekalan Air Bagi Skim Perumahan Seluas 17.18 Ekar (6.952 Hektar) Di Atas Pt 5156 (No. Hakmilik: Hsd 33746), Mukim Jebong, Daerah Larut Dan Matang, Perak Darul Ridzuan. - Serahan Dokumen Lengkap Bagi Permohonan Permit Kerja Korek Bahu Jalan di Jalan Persekutuan, Jalan Ipoh - Butterworth (FT 001) sepanjang 16 meter.

3. Sehubungan dengan itu, pihak kami ingin membuat Permohonan Izin Laluan bagi melaksanakan kerja ukur tanah (sempadan ROW), cerapan data bagi Pemetaan Pengesanan Utiliti (UDM) dan penandaan jajaran utiliti di kawasan terlibat. Bersama-sama ini dikemukakan dokumen-dokumen sebagaimana berikut:

- (i) Pelan Cadangan laluan utiliti yang menunjukkan sempadan ROW jalan Persekutuan dan lot tanah bersebelahan.
- (ii) Kaedah pemasangan utiliti mengikut cadangan laluan.
- (iii) Gambar-gambar lokasi.
- (iv) Tarikh jangka mula **20 November 2024** dan jangka siap **11 Disember 2024** (kerja ukur, cerapan data UDM dan penandaan di kawasan terlibat). Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan berhubung perkara di atas, sila hubungi pegawai kami, **Syazwani Binti Norhisam** di talian **016-6231705** untuk keterangan lanjut.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

(**HASNITA BINTI MUSA@AMINDOLLAH**)

Pengurus Koridor Negeri
Koridor Utiliti Darul Ridzuan

OPS/11112024/Koridor/Wani





Ruj. Kami : KUDR/LAP/B/10/24/0090 (15)
Tarikh : 11 November 2024

**PROJEK / KERJA : PEMASANGAN FLOWMETER PRV STRAINER DAN INJAP SEKAT
DI JALAN LAMA KAMPUNG PERAK BATU KURAU**
PERKARA : PERMOHONAN IZIN LALU

s.k:

1. Pengarah JKR Negeri
Jabatan Kerja Raya Negeri Perak Darul Ridzuan
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab,
30000 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan
(U.p.: **Jurutera Awam Penguasa Jalan**)
2. See Lian Loo Plumbing
No 48, Jalan Sultan Abdullah
34000 Taiping,
Perak Darul Ridzuan
(u.p : **Puan Siti Khadijah Binti Khalid**)

